

29 APR 1996

Mahathir-Ibu Tien

DR MAHATHIR, SITI HASMAH BERI PENGHORMATAN TERAKHIR KEPADA IBU TIEN

Oleh: Khairdzir Yunus

SURAKARTA (Jawa Tengah), 29 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali hari ini memberi penghormatan terakhir kepada isteri Presiden Suharto, Ibu Tien, di kediaman keluarganya di Dalem Kalitan di sini.

Dr Mahathir and isteri tiba pada kira-kira 11.23 pagi di Dalem Kalitan, tempat jenazah Ibu Tien di semayamkan sejak petang semalam.

Setibanya di ruang persemayaman jenazah, Perdana Menteri dan isteri mengucapkan takziah kepada Presiden Suharto dan anak-anaknya.

Yang turut mengiringi beliau ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Duta Malaysia ke Indonesia Datuk Zainal Abidin Alias berserta isteri masing-masing.

Sementara itu semasa diwawancara oleh wartawan sebuah stesen televisyen sejurus sebelum beliau meninggalkan Dalem Kalitan, Dr Mahathir berkata beliau terkejut dengan kematian Ibu Tien yang tidak disangka-sangka dan berharap rakyat Indonesia bersabar.

Perdana Menteri dan isteri meninggalkan Dalem Kilitan pada kira-kira 11.50 pagi.

Terdahulu itu, semasa tiba di Lapangan Terbang Adisumarmo di sini pada pukul 10.30 pagi, Dr Mahathir disambut oleh Menteri Pelancongan, Pos dan Telekomunikasi Joop Ave dan menantu Presiden, Mej Jen Prabowo Subianto.

Antara ketua negara jiran yang turut memberi penghormatan terakhir ialah Sultan Brunei, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Thailand Banharn Silpa-Archa.

Ibu Tien yang nama penuhnya Siti Hartinah Suharto meninggal dunia akibat serangan jantung pada usia 73 tahun di Hospital Tentera Gatot Subroto di Jakarta, pada 5.10 pagi semalam.

Jenazah diterbangkan ke sini petang semalam untuk upacara pengkebumian mengikut istiadat tentera di pemakaman keluarganya di Astana Giri Bangun, kira-kira 30 km dari Dalem Kalitan petang ini. -- BERNAMA

KHY AKD